

**Usaha PM tubuh PSC memang baik
Utusan Online
06 April, 2012**

KUALA LUMPUR 5 April - Seorang Ahli Parlimen pembangkang hari ini mengakui usaha Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menubuhkan Jawatankuasa Pilihan Khas (PSC) Berhubung Dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya Jawatankuasa Pilihan Khas merupakan satu tindakan yang amat baik kerana ia bermatlamatkan sistem pilihan raya di negara ini bebas, adil, bersih dan saksama.

Malah Dr. Tan Seng Giaw (DAP-Kepong) juga begitu gembira dengan komitmen Perdana Menteri itu memastikan kemenangan setiap parti termasuk Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya akan datang bukan dengan secara menyeleweng.

"Perdana Menteri sendiri memberitahu motif beliau menubuhkan PSC adalah untuk menyaksikan proses pilihan raya dijalankan secara bebas, adil dan saksama kerana beliau tidak mahu menang secara menyeleweng.

"Saya seronok betul apabila saya mendengar kenyataan Perdana Menteri yang mana beliau mahu perjalanan pilihan raya di negara kita dijalankan secara bersih dan itu memang baik," katanya.

Beliau berkata demikian ketika membahaskan Pertimbangan Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan (2011) 2012 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama di Dewan Rakyat, hari ini.

Terdahulu Seng Giaw berkata sebahagian syor-syor yang terdapat di dalam laporan PSC yang dibentangkan kelmarin amat munasabah dan sejawarnya ia dilaksanakan terutama oleh pihak Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

Katanya, beliau juga yakin syor-syor tersebut boleh dikuatkuasakan dalam tempoh terdekat.

"Cuma saya tidak tahu sama ada SPR mempunyai semangat untuk menguatkuasa dan melaksanakan semua syor ini kerana saya diberitahu bahawa pada awalnya SPR tidak begitu berminat untuk menerima syor-syor ini.

"Itulah yang saya dengar. Sama ada benar atau tidak saya hendak dengar daripada pihak SPR," katanya.

Sebaik sahaja isu itu dibangkitkan Datuk Bung Moktar Radin (BN-Kinabatangan) meminta agar Ahli Parlimen Kepong itu tidak mendengar khabar-khabar angin.

Ketika berbahas beliau juga meminta satu lagi PSC baru ditubuhkan bertujuan memantau pelaksanaan syor-syor yang telah diputuskan oleh PSC seperti mana tercatat di dalam laporan jawatankuasa berkenaan.

"Kita perlu satu lagi PSC baru di dalam dewan ini untuk memantau dan mengawal selia pelaksanaan setiap syor yang telah dikemukakan di dalam laporan dan saya mendengar pihak Kabinet telah membincangkan penubuhan PSC baru ini," katanya lagi.

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0406&pub=Utusan_Malaysia&sec=Parlimen&pg=pa_01.htm